

HELAIAN MAKLUMAN PRODUK

Baca Helaiian Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan lampiran terma-terma dan syarat-syarat (jika ada) sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong. Sila hubungi kami untuk mendapatkan penjelasan, jika diperlukan.



Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Kemudahan ini merupakan kemudahan pembiayaan peribadi Islam tanpa cagaran, yang mematuhi prinsip syariah untuk membantu anda dalam memenuhi keperluan penggunaan peribadi anda. Ia dikira berdasarkan kadar tetap untuk bayaran ansuran tetap sepanjang tempoh pembayaran.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Prinsip Syariah yang digunakan adalah Murabahah melalui pengaturan Tawarruq. Murabahah adalah penjualan dan pembelian aset di mana kos perolehan dan penambahan dinyatakan kepada Pelanggan. Tawarruq merujuk kepada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh Bank kepada Pelanggan secara tertanggung. Selepas itu Pelanggan akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga untuk mendapatkan wang tunai. Mekanisma yang terlibat:

1. Bank membeli komoditi* pada Amaun Pembiayaan dengan harga semerta ;
2. Bank kini memiliki komoditi tersebut;
3. Bank menjual komoditi tersebut kepada pelanggan pada Harga Jualan** secara bayaran tertanggung (ansuran). Sebagai pemilik komoditi, pelanggan boleh memilih untuk mengambil penghantaran fizikal/hak milik dengan perbelanjaan sendiri;
4. Kemudian, sebagai pemilik komoditi, pelanggan melantik Bank sebagai ejen (wakil) untuk menjual komoditi tersebut;
5. Bank (sebagai agen kepada pelanggan) menjual komoditi pada Harga pembiayaan dengan harga semerta bagi pihak pelanggan kepada pihak ketiga untuk mendapat wang tunai;
6. Bank menandatangani hasil jualan komoditi (Amaun Pembiayaan).

*Komoditi:-

- (a) Komoditi merupakan dalam bentuk platinum atau apa-apa komoditi yang mematuhi komoditi dagangan mengikut Syariah untuk Pembiayaan ini yang diterima oleh pihak-pihak dimana telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
- (b) Perdagangan dijalankan di atas platform perdagangan pelbagai komoditi seperti Eiger atau platform perdagangan komoditi lain yang membolehkan transaksi.

**Harga Jualan:- (kos tambah nilai – Murabahah)

- (a) Harga Jualan merujuk kepada harga yang perlu dibayar oleh pelanggan kepada Bank dalam pertukaran komoditi
- (b) Ia adalah berdasarkan harga maksimum yang dikenakan kepada pembiayaan yang tertakluk kepada rebat lanjut

3. Apakah yang boleh saya perolehi?

Harga Jualan: RM _____
Jumlah Pembiayaan: RM _____
Kadar Keuntungan: _____% setahun sama rata
Kadar Keuntungan Efektif: _____%
Tempoh: _____ bulan

4. Apakah tanggungjawab saya?

Ansuran bulanan tetap sepanjang tempoh pembiayaan

- Ansuran Bulanan*: RM _____
- Jumlah keseluruhan pada akhir tempoh pembiayaan: RM _____

*Nota: Ansuran Bulanan akan dibundarkan ke atas RM5 yang terhampir.

5. Apakah jenis fi dan caj yang perlu dibayar?

Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami www.hlisb.com.my/financing2 atau imbas di sini



6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Jika anda gagal untuk membayar ansuran wajib anda pada tarikh matang, caj pampasan (ta'widh) akan dikenakan seperti berikut:-

(a) Semasa Tempoh Pembiayaan

- (i) Bagi keingkaran mana-mana pembayaran semasa tempoh Kemudahan, pampasan pada kadar satu peratus (1%) setahun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia akan dikenakan ke atas pembayaran tertunggak yang dijadualkan, dikira dari tarikh sejurus selepas tarikh keingkaran itu sehingga tarikh penerimaan pembayaran penuh;
- (ii) Bagi keingkaran menyebabkan Kemudahan untuk ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh luput tempoh Kemudahan, pampasan pada kadar satu peratus (1%) setahun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia akan dikenakan atas baki tertunggak (baki prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru);

(b) Selepas tamat atau Tempoh Matang Pembiayaan

Bagi keingkaran mana-mana pembayaran melebihi tempoh Kemudahan, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank-Bank perbankan Islam ("IIMM") di Bank Negara Malaysia atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh

Bank Negara Malaysia akan dikenakan ke atas baki tertunggak (baki prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru) Kemudahan tertakluk kepada manamana rebat (Ibra') yang berkenaan, dikira dari tarikh sejurus selepas tamat tempoh Kemudahan sehingga tarikh penerimaan pembayaran penuh;

(c) Setelah Penghakiman

Bagi keingkaran pembayaran Kemudahan setelah keputusan mahkamah diambil terhadap anda, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank-Bank perbankan Islam ("IIMM") di Bank Negara Malaysia atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia akan dikenakan ke atas jumlah penghakiman asas Kemudahan tertakluk kepada mana-mana rebat (Ibra') yang berkenaan, dikira dari tarikh penghakiman dibuat sehingga jumlah penghakiman dijelaskan sepenuhnya.

Jumlah pampasan tidak boleh ditambah ke jumlah pokok yang belum diselesaikan dan tidak boleh melebihi jumlah pokok.

Kami boleh tolak selesai/menolak sebarang baki kredit di dalam mana-mana akaun anda yang dikekalkan dengan kami untuk menyelesaikan baki di dalam akaun pembiayaan dengan memberi anda notis terdahulu tujuh (7) hari kalender. Tindakan undang-undang terhadap anda akan diambil jika anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda yang boleh membawa kepada permohonan kredit yang lebih sukar atau lebih mahal untuk anda.

7. Apakah yang berlaku jika saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

Bank akan memberikan anda rebat bagi penyelesaian awal. Rebate akan dikira mengikut formula berikut:

$$R = \frac{n(n+1)}{N(N+1)} \times P$$

di mana,

R	Rebat (RM)
n	Bilangan baki ansuran
N	Tempoh Pembiayaan
P	Keuntungan yang perlu dibayar sepanjang tempoh pembiayaan

8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Cagaran atau penjamin tidak diperlukan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda seperti nombor telefon, alamat dan emel untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila kunjungi salah satu daripada cawangan kami di seluruh negara.

Nota: Sekiranya anda adalah pengguna Hong Leong Connect (Perbankan Atas Talian), penyata akaun akan disediakan untuk tatapan dan muat turun di Hong Leong Connect (Perbankan Atas Talian). Sekiranya anda bukan pengguna Hong Leong Connect (Perbankan Atas Talian), penyata akaun akan dihantar kepada anda melalui E-mel.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda mempunyai sebarang kesulitan dalam menjelaskan bayaran, anda perlu menghubungi pihak kami seawal mungkin bagi membincangkan pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi:
Jabatan Pengawasan Kredit, Hong Leong Bank Berhad,
Tingkat 2, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Section 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: +603-7959 1888 Faks:+603-7873 8228
E-mel: HLBB-PFSCREDITCONTROLCENTREPERSONALLOAN@hlbb.hongleong.com.my
- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2616 7766 Faks: +603-2616 7601 E-mel: enquiry@akpk.org.my
- Jika anda ingin menyumbang maklum balas mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
Customer Advocacy, Hong Leong Bank Berhad,
Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Tel: 03-7626 8801/ 03-7626 8802/ 03-7626 8812 E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

11. Lain-lain pakej pembiayaan peribadi yang disediakan:

Tiada

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian makluman ini sah dari 1 Oktober 2020.

Pengesahan Pemohon:

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami kandungan Helaian Makluman Produk ini.

Name Pemohon: _____

No K.P. Pemohon: _____

Tandatangan Pemohon: _____

Appendix 1- Ilustrasi Jadual Bayaran

Amaun	55,000.00	Ansuran	1,700.00	setahun
Harga Jualan	81,400.00	Kadar	12.00%	
Jumlah	26,400.00	Tempoh	48 bulan	

Bulan	Ansuran (RM)	Pembahagian Ansuran		Prinsipal Tertunggak	Harga Jualan Tertunggak	Keuntungan Tertunggak Belum diterima
		Prinsipal	Keuntungan			
0	0	0	0	55,000.00	81,400.00	26,400.00
1	1,700.00	622.44	1,077.56	54,337.56	79,700.00	25,322.44
2	1,700.00	644.90	1,055.10	53,732.66	78,000.00	24,267.34
3	1,700.00	667.35	1,032.65	53,065.31	76,300.00	23,234.69
4	1,700.00	689.79	1,010.21	52,375.52	74,600.00	22,224.48
5	1,700.00	712.25	987.75	51,663.27	72,900.00	21,236.73
6	1,700.00	734.69	965.31	50,928.58	71,200.00	20,271.42
7	1,700.00	757.15	942.85	50,171.43	69,500.00	19,328.57
8	1,700.00	779.59	920.41	49,391.84	67,800.00	18,408.16
9	1,700.00	802.04	897.96	48,589.80	66,100.00	17,510.20
10	1,700.00	824.49	875.51	47,765.31	64,400.00	16,634.69
11	1,700.00	846.94	853.06	46,918.37	62,700.00	15,781.63
12	1,700.00	869.39	830.61	46,048.98	61,000.00	14,951.02
13	1,700.00	891.83	808.17	45,157.15	59,300.00	14,142.85
14	1,700.00	914.29	785.71	44,242.86	57,600.00	13,357.14
15	1,700.00	936.73	763.27	43,306.13	55,900.00	12,593.87
16	1,700.00	959.19	740.81	42,346.94	54,200.00	11,853.06
17	1,700.00	981.63	718.37	41,365.31	52,500.00	11,134.69
18	1,700.00	1,004.08	695.92	40,361.23	50,800.00	10,438.77
19	1,700.00	1,026.53	673.47	39,334.70	49,100.00	9,765.30
20	1,700.00	1,048.98	651.02	38,285.72	47,400.00	9,114.28
21	1,700.00	1,071.43	628.57	37,214.29	45,700.00	8,485.71
22	1,700.00	1,093.88	606.12	36,120.41	44,000.00	7,879.59
23	1,700.00	1,116.32	583.68	35,004.09	42,300.00	7,295.91
24	1,700.00	1,138.78	561.22	33,865.31	40,600.00	6,734.69
25	1,700.00	1,161.22	538.78	32,704.09	38,900.00	6,195.91
26	1,700.00	1,183.68	516.32	31,520.41	37,200.00	5,679.59
47	1,700.00	1,655.10	44.90	1,477.56	1,500.00	22.44
48	1,700.00	1,477.56	22.44	(0)	0	0

Penyelesaian Awal Pembiayaan :-

Pelanggan membuat penyelesaian awal pada ansuran ke-23 (ansuran bulanan semasa belum berbayar):-

Rebat (ibra') = Amoun Tertunggak belum diterima
= 7,295.91

Jumlah Penyelesaian = Harga Jualan Tertunggak pada ansuran ke-23 + Bayaran ansuran ke-23 – Rebat
= 42,300.00 + 1,700.00 – 7,295.91
= **36,704.09**